

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JULAI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 38

Kedatangan lebih ramai pelancong imbangi perdagangan

Kedatangan lebih ramai pelancong imbangi perdagangan

PETALING JAYA: Firma penyelidikan CGS-CIMB Securities, mengekalkan unjuran lebihan akaun semasa Malaysia tahun ini pada 1.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di tengah-tengah prospek luaran yang kurang memberangsangkan.

Unjuran itu dibuat selepas Jabatan Perangkaan (DOSM) mengeluarkan data perdagangan Jun mengenai imbangan dagangan yang lebih rendah sebanyak RM54.1 bilion pada suku kedua 2023 (2Q2023), berbanding RM64.4 bilion suku pertama.

Pakar ekonomi CGS-CIMB Securities, Nazmi Idrus berkata, pihaknya menjangkakan keda-

tangan lebih ramai pelancong asing pada separuh kedua 2023 (2H2023) membantu mengimbangi imbangan perdagangan yang lemah.

Mengenai prospek perdagangan, beliau berkata, pertumbuhan KDNK China yang lemah pada 2Q2023 boleh menjejaskan permintaan global, serta eksport Malaysia, memandangkan kedudukan negara itu sebagai rakan dagangan Malaysia.

Tambah beliau, walaupun eksport Jun menunjukkan peningkatan tahun ke tahun untuk produk elektrik & elektronik (E&E), penghantaran mungkin kekal lemah pada suku akan datang.

Katanya, antara barangan perkilangan, pertumbuhan ek-

sport E&E berkembang sedikit pada 3.2 peratus tahun ke tahun berbanding 1.5 peratus pada Mei.

"Kami percaya bahawa dengan jualan semikonduktor global masih mencatatkan penguncupan dua angka pada asas tahunan pada Mei, normalisasi permintaan dalam sektor E&E mungkin berada dalam jangkaan.

"Sementara itu, data PMI Global Electronics S&P mencatatkan kemerosotan paling kukuh dalam tempoh tiga tahun pada Jun, dengan firma menunjukkan permintaan yang tinggi dan keadaan ekonomi yang lebih lemah dalam ekonomi maju dan China," katanya

dalam nota penyelidikan.

Menurut Nazmi, penurunan eksport dalam perlombongan adalah hasil daripada minyak mentah yang rendah dan gas asli cecair (LNG).

Katanya, sektor pembuatan dan produk perlombongan, termasuk petroleum mentah, produk petroleum ditapis, serta LNG, semuanya mencatatkan kemerosotan dalam pertumbuhan pada asas tahun ke tahun dan bulan ke bulan, seperti dicerminkan oleh penurunan harga minyak dan gas asli Brent pada Jun.

"Memandangkan eksport produk berkaitan minyak & gas (O&G) cenderung untuk menjejaki pergerakan harga minyak mentah, kami berpendapat nilai

penghantaran O&G berkemungkinan akan menurun apabila harga minyak mentah semakin rendah di (pasaran) hadapan," katanya.

Kelmarin, DOSM memaklumkan bahawa, jumlah perdagangan Malaysia jatuh sebanyak 16.3 peratus kepada RM222.1 bilion pada Jun 2023, daripada RM265.4 bilion setahun sebelumnya, manakala eksport dan import juga mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 14.1 peratus dan 18.9 peratus.

Bagaimanapun katanya, lebihan dagangan Malaysia meningkat kepada RM25.8 bilion tahun ke tahun dan ia adalah lebihan dagangan bulan ke-38 berturut-turut sejak Mei 2020.